

Arahan: Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu, A,B,C, dan D. bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Isikan jawapan anda pada ruangan yang disediakan.

1. Gambar di bawah menunjukkan sejenis milikan perniagaan.



Pernyataan manakah yang merupakan tujuan perniagaan tersebut?

- A. Menyediakan perkhidmatan secara percuma
 - B. Memaksimumkan keuntungan
 - C. Menawarkan perkhidmatan pada harga kos
 - D. Menawarkan perkhidmatan di bawah kos
2. Antara yang berikut, yang manakah konsep asas perniagaan?
- I. Pertukaran nilai
 - II. Bonus
 - III. Kebajikan ahli
 - IV. Barang dan perkhidmatan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
3. Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri perniagaan milikan tunggal?
- I. Mudah ditubuhkan
 - II. Kadar cukai rendah
 - III Liabiliti terhad
 - IV Menikmati ekonomi bidangan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
4. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan perniagaan perkongsian?
- A. Perniagaan dikenakan cukai pendapatan syarikat
 - B. Modal diperoleh menerusi penjualan saham kepada orang awam
 - C. Perniagaan diuruskan oleh rakan kongsi nominal
 - D. Setiap rakan kongsi menyumbang modal mengikut kadar yang dipersetujui
5. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pemilikan perniagaan.

Menyumbang modal sahaja dan tidak aktif dalam aktiviti perniagaan.

Apakah jenis rakan kongsi di atas?

- A. Rakan kongsi aktif
- B. Rakan kongsi terhad
- C. Rakan kongsi lelap
- D. Rakan kongsi nominal

6. Gambar 1 menunjukkan sejenis pemilikan perniagaan.



Gambar 1

Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan perniagaan di atas?

- I. Penyebaran risiko antara rakan kongsi
 - II. Kebebasan mengurus perniagaan
 - III. Cukai pendapatan perseorangan yang rendah
 - IV. Kemahiran pengurusan yang pelbagai
- A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV
7. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan perniagaan perkongsian berbanding dengan milikan tunggal?
- A. Liabiliti tidak terhad
 - B. Risiko kerugian boleh ditanggung bersama
 - C. Mudah ditubuhkan
 - D. Cukai pendapatan perseorangan
8. Pemilikan perniagaan manakah mempunyai liabiliti terhad?
- I. Kedai Cermin Mata Ling
 - II. Kedai Kasut Yong dan Ling
 - III. Syarikat Mega Sdn. Bhd.
 - IV. Syarikat Hijau Aman
- A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV
9. Antara yang berikut, yang manakah menerangkan ciri-ciri sebuah syarikat sendirian berhad?
- A. Pemegang syer terdiri daripada orang awam
 - B. Penubuhan di bawah Akta Syarikat 1965
 - C. Bebas memindahkan syer
 - D. Laporan kewangan perlu diwartakan kepada orang ramai

10. Apakah persamaan antara syarikat awam berhad dengan syarikat sendirian berhad?

- I. Pemegang syer ialah orang awam
- II. Perlu mewartakan laporan kewangan kepada orang awam
- III. Liabiliti terhad
- IV. Kewujudan kekal

- A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV

11. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pemilikan perniagaan.

Koperasi Pekebun Kecil

Apakah ciri-ciri penubuhan pemilikan perniagaan di atas?

- A. Modal dikumpul daripada orang awam
- B. Menanggung liabiliti tidak terhad
- C. Tiada had maksimum bilangan keanggotaan
- D. Penubuhan di bawah Akta Syarikat 1965

12. Kriteria manakah yang menentukan saiz sesebuah perniagaan?

- I. Bilangan jenis produk
- II. Bilangan cawangan perniagaan
- III. Bilangan pekerja
- IV. Jumlah jualan tahunan

- A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV

13. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

daripada RM15 juta

Ciri-ciri di atas menerangkan saiz perniagaan sesebuah perniagaan

- A. bersaiz mikro C bersaiz sederhana
- B. bersaiz kecil D bersaiz besar

14. Antara yang berikut, yang manakah merupakan jenis kegiatan perusahaan kecil dan sederhana?

- I. Perusahaan jentera
- II. Perusahaan automobil
- III. Perusahaan pemprosesan makanan
- IV. Perusahaan pengeluaran paip getah

- A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV

15. Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah syarikat.

Syarikat Hong Siang merupakan sebuah syarikat logistik yang menyediakan perkhidmatan logistik ke seluruh Malaysia.

Apakah skala perniagaan Syarikat Hong Siang?

- A. Perniagaan berskala tempatan
- B. Perniagaan berskala negeri
- C. Perniagaan berskala kebangsaan
- D. Perniagaan berskala global

16. Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri perniagaan berskala kebangsaan?

- I. Mempunyai sistem pengedaran yang mudah
- II. Skala perniagaan yang bersaiz kecil
- III. Mengamalkan strategi pemasaran terbeza
- IV. Mempunyai pasaran yang besar

- A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV

17. Maklumat berikut berkaitan dengan satu sektor ekonomi.

Sumber semula jadi dari sektor utama diproses menjadi barang separuh siap atau barang siap.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A. sektor utama B. sektor kedua C. sektor ketiga D. sektor keempat

18. Antara yang berikut, yang manakah merupakan aktiviti perniagaan yang diklasifikasikan sebagai sektor utama?

- A. Pertanian B. Perkilangan C. Kejuruteraan D. Perniagaan borong

19. Aktiviti manakah merupakan sektor ketiga?

- A. Pertanian B. Perternakan C. Perkilangan D. Perkhidmatan doktor

20. Apakah ciri skala perniagaan kebangsaan ?

- A. Menembusi pasaran peringkat daerah dalam sesebuah negeri.
- B. Meliputi pasaran di seluruh negara.
- C. Pasaran barang dan perkhidmatan di kawasan tertentu sahaja.
- D. Dijalankan antara sebuah negara dengan negara yang lain.

21. Berlaku apabila pekerja diberhentikan oleh majikan akibat daripada keadaan ekonomi yang meleset. Definisi di atas berkaitan dengan

- A. Pengangguran kitaran
B. Pengangguran struktur
C. Pengangguran geseran
D. Guna tenaga

22. Antara berikut, yang manakah kesan kemelesetan ekonomi?

- I. Guna tenaga penuh
II. Pengangguran meningkat
III. Kuasa beli penduduk menurun
IV. Kuasa beli penduduk meningkat

- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

23. Yang manakah pasangan yang betul?

	Dasar Fiskal	Dasar Kewangan
A	Dilaksanakan sepanjang tahun	Dilaksanakan untuk tempoh tertentu
B	Pelaksanaan cukai	Penetapan kadar faedah
C	Dikenakan kepada semua orang	Khas untuk peniaga sahaja
D	Dilaksanakan melalui bank saudagar	Dilaksanakan melalui bank pusat

24. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pemilikan perniagaan.



Gambar 2

Gambar di atas menunjukkan bentuk pemilikan perniagaan:

- A. Syarikat Awam Berhad
B. Perkongsian
C. Syarikat Sendirian Berhad {Sdn.Bhd.}
D. Francais

25. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan sebuah agensi kerajaan.

Membantu, melatih dan membimbing kaum bumiputera dalam kegiatan perniagaan, khususnya dalam hal pengurusan dan pentadbiran perniagaan.

Peranan tersebut merujuk kepada

- A. MARDI B. SIRIM C. FAMA D. MARA

26. Logo di atas merupakan sebuah organisasi yang terdapat di negara kita



Apakah matlamat organisasi tersebut ditubuhkan?

- I. Mendapatkan keuntungan yang maksimum
- II. Membantu golongan yang kurang berkemampuan
- III. Meningkatkan penglibatan sektor awam dalam kegiatan kemasyarakatan
- IV. Melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti pengeluaran

- A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV

27. Antara kaedah perniagaan bagi organisasi bukan bermotifkan keuntungan ialah

- I. Secara Percuma
- II. Secara Kredit
- III. Jualan di Atas Harga Kos
- IV. Jualan Pada Harga Kos

- A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV

28. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah pemilikan perniagaan.

Syarikat Puan Mastura mengalami kerugian dan dia sering didatangi oleh pemiutang untuk menuntut rumahnya bagi menjelaskan hutang syarikatnya.

Ciri-ciri pemilikan manakah yang menerangkan pernyataan di atas?

- | | |
|----------------------|---------------------------|
| A. Pemilikan tunggal | B. Liabiliti tidak terhad |
| B. Modal kecil | C. Agihan kerugian |

29. Antara berikut yang manakah menepati situasi perkembangan sektor perniagaan Era 1990-an?

- A. Kerajaan menggalakkan rakyat untuk menceburi sektor kedua bagi tujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada barang import.
- B. Penekanan yang lebih tinggi diberikan kepada sektor perkhidmatan selaras dengan matlamat Malaysia untuk menjadi negara maju.
- C. Negara kita menjadi pengeluar bahan mentah seperti getah dan bijih timah.
- D. Negara kita berusaha menuju ke arah sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

30. Antara yang berikut, yang manakah agensi kerajaan yang menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan?

- | | |
|--------------|-----------|
| I. MARDI | III. MPC |
| II. MATRADE. | IV. SIRIM |

- | | | | |
|-------------|-------------|---------------|---------------|
| A. I dan II | B. I dan IV | C. II dan III | D. III dan IV |
|-------------|-------------|---------------|---------------|

31. Sebab undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan pengguna digubal ialah

- A. mengawal perjalanan aktiviti perniagaan
- B. melindungi pengguna supaya tidak ditindas oleh peniaga yang tidak beretika
- C. menggalakkan rakyat menceburi bidang perniagaan
- D. menjadi sumber pembiayaan untuk menjalankan aktiviti ekonomi

32. Antara yang berikut, yang manakah merupakan jenis pengangguran yang wujud di sesebuah negara?

- I. Pengangguran bermusim
- II. Pengangguran semula jadi
- III. Pengangguran kitaran
- IV. Pengangguran struktur

- | | |
|-------------------|--------------------|
| A. I, II, dan III | C. I, III dan IV |
| B. I, II, dan IV | D. II, III, dan IV |

33. Pernyataan manakah adalah kesan inflasi?

- I. Kos sara hidup meningkat
- II. Kuasa beli pengguna kurang
- III. Pendapatan eksport kurang
- IV. Pengguna kurang memegang wang di tangan

- A. I, II, dan III
B. I, II, dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III, dan IV

34. Pernyataan manakah benar tentang punca deflasi?

- I. Kuasa beli pengguna kurang
II. Peningkatan jumlah barangan di pasaran
III. Masyarakat kurang memegang wang di tangan
IV. Permintaan terhadap barangan semakin kurang
A. I, II, dan III
B. I, II, dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III, dan IV

35. Antara yang berikut, yang manakah merupakan trend persekitaran perniagaan?

- I. Trend meningkat
II. Trend menurun
III. Trend mendatar
IV. Trend mencapah
A. I, II, dan III
B. I, II, dan IV
C. I, III, dan IV
D. II, III, dan IV

36. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis trend perniagaan.

faktor dalaman dan luaran perniagaan

Apakah jenis trend perniagaan tersebut?

- A. Trend meningkat
B. Trend menurun
C. Trend mendatar
D. Trend malar

37. Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan keadaan yang berlaku semasa kemelesetan pertumbuhan ekonomi?

- I. Kadar pengangguran meningkat
II. Penduduk tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membeli produk
III. Pengeluaran produk perlu ditambah untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat
IV. Gaji dan upah pekerja meningkat

- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

38. Maklumat berikut berkaitan dengan satu faktor yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.

- X merupakan satu daripada faktor dalaman yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan
- X merupakan suatu proses untuk menghasilkan produk yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna yang tiada batasan.

Apakah X ?

- | | |
|----------------|-----------------------|
| A. Politik | C. Undang-undang |
| B. Pengeluaran | D. Teknologi maklumat |
39. Sesebuah negara dianggap maju apabila mencapai guna tenaga penuh. Apakah ciri guna tenaga penuh?
- A. Ramai pekerja asing
 - B. Negara yang masih dalam kemiskinan
 - C. Penduduk yang ramai kaum perempuan
 - D. Negara yang ada kadar pengangguran di bawah 4%
40. Mengapakah sosial dan budaya merupakan salah satu faktor mempengaruhi organisasi perniagaan dalam menjalankan perniagaan?
- A. Mengeluarkan produk yang berkualiti tinggi
 - B. Menawarkan produk mengikut cita rasa pengeluar
 - C. Mengeluarkan produk secara massa tanpa mengira cita rasa setempat
 - D. Menawarkan produk yang dapat memenuhi kehendak masyarakat setempat

----- KERTAS SOALAN TAMAT-----